LAPORAN TAHUNAN
ANNUAL REPORT 2015













Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM)
National Hydraulic Research Institute of Malaysia (NAHRIM)

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE)
Ministry of Natural Resources and Environment (NRE)

AHLI JAWATANKUASA LAPORAN TAHUNAN

ANNUAL REPORT COMMITTEE MEMBERS

Penasihat / *Advisor*

Datuk Ir. Hj. Ahmad Jamalluddin Shaaban

Ahli / *Members*

Dr. Saim Suratman
Ir. Hj. Mohd Fauzi Mohamad
Ir. Mohd Zaki Mat Amin
Ir. Hj. Mohd Radzi Abd. Hamid
Dr. Nasehir Khan E.M. Yahaya
Ir. Lee Hin Lee
Ismail Hj. Tawnie
Norsuriani Abas
Nur Eswani Darus
Ku Aznal Shahri Ku Abd. Hamid
Syazrin Syima Sharifuddin

Ketua Pengarang & Penerbitan / *Chief Editor & Publishing*

Muhammad Rizal Razali

Jawatankuasa Pengarang / *Editor Committee*

Azman Mat Jusoh
Noor Azmee Omar
Mohd Khairul Nizar Shamsuddin
Norbaya Hashim
Amri Md. Shah
Mohammad Fikry Abdullah
Mohd Fadhil Kasim
Goh Yee Cai
Erma Marlina Hamsan
Effar Yusni Mustaffa

Urusetia / *Secretariats*

Norazma Awang
Nur Amira Zahari
Muhammad Yazid Misnan
Nabilah Ismail
Huda Shaima Kaharudin

Jurugambar / *Photographers*

Mohd Fazlin Zainal
Muhamad Mustafa Hashim

© Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM)
Lot 5377 Jalan Putra Permai, 43300 Seri Kembangan, Selangor Darul Ehsan.

Dicetak oleh / *Printed by*
Alamedia Sdn. Bhd.

Tahun Dicetak / *Printed Year*
2016

ISSN No.: 0127-8495

ISI KANDUNGAN
CONTENTS

1 PERUTUSAN KETUA PENGARAH 4
MESSAGE FROM THE DIRECTOR GENERAL

2 MAKLUMAT KORPORAT 6
CORPORATE INFORMATION
Carta Organisasi Pengurusan Atasan
Top Management Organization Chart
Latar Belakang dan Fungsi NAHRIM
Background and The Functions of NAHRIM
Misi, Visi, Objektif Penubuhan, dan Piagam Pelanggan
Mission, Vision, Objective of Establishment, and Client's Charter
Pusat Kajian, Bahagian & Makmal di NAHRIM
NAHRIM's Research Centre, Divisions and Laboratories

3 PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (R&D) 14
RESEARCH AND DEVELOPMENT

4 PERUNDINGAN 46
CONSULTANCY

5 KHIDMAT NASIHAT TEKNIKAL & KEPAKARAN 53
TECHNICAL ADVICE & EXPERTISE

6 PEMBANGUNAN PRODUK 69
PRODUCTS DEVELOPMENT

7 LATIHAN, SEMINAR DAN LAWATAN RASMI 77
TRAINING, SEMINAR AND OFFICIAL VISITS

8 PENERBITAN 82
PUBLICATIONS

9 AKTIVITI TAHUN 2015 105
ACTIVITIES OF YEAR 2015

10 LAPORAN SUMBER MANUSIA 108
HUMAN RESOURCES REPORT

11 LAPORAN KEWANGAN 116
FINANCIAL REPORT

PERUTUSAN KETUA PENGARAH
MESSAGE FROM THE DIRECTOR GENERAL



Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu saya ingin menzahirkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinNYA Laporan Tahunan Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) dapat diterbitkan buat kali yang ke-enam. Justeru, saya ingin merakamkan terima kasih dan tahniah kepada semua yang terlibat bagi menjayakan penerbitan ini.

Pembentangan Laporan Tahunan 2015 ini dapat kita melihat dan menilai prestasi NAHRIM sepanjang tahun 2015 yang lalu. Di samping itu, secara tidak langsung kita dapat menilai prestasi keseluruhan pencapaian program-program yang telah NAHRIM laksanakan sepanjang tempoh perlaksanaan Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh (RMKe-10) bagi tujuan penambahbaikan dan juga sebagai asas panduan bagi NAHRIM meneruskan agenda penyelidikan untuk perancangan program-program yang akan dilaksanakan sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMKe-11). Selain daripada itu, Laporan Tahunan ini juga dapat mengukur pencapaian dan perkembangan NAHRIM dari sudut Pengurusan *Key Performance Index* (KPI), Kewangan, dan Sumber Manusia setelah mencapai 20 tahun penubuhannya. Adalah diharapkan Laporan Tahunan ini dapat dijadikan sumber maklumat, rujukan, dan sebagai bahan penerbitan promosi NAHRIM kepada pihak yang berkepentingan dan kepada pembaca secara amnya.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua warga NAHRIM, rakan dan pelanggan NAHRIM kerana telah sama-sama menyokong penyelidikan dan pembangunan NAHRIM.

Wassalam, terima kasih.

Datuk Ir. Hj. Ahmad Jamalluddin bin Shaaban
Ketua Pengarah
Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM)

Assalamualaikum w.b.t and salam sejahtera.

First and foremost, I would like to express my gratitude to Allah S.W.T. for it is with His will that this annual report of National Hydraulic Research Institute of Malaysia (NAHRIM) is possible to be published for the sixth time. Hence, I would like to thank and congratulate all those involved in the success of this publication.

Based on the presentation of the Annual Report for the year 2015, we can identify and assess the performance of NAHRIM throughout the year 2015. Besides that, indirectly, we can assess the performance of the overall achievement of the programmes that NAHRIM has run during the period of the implementation of The Tenth Malaysian Plan (RMKe- 10) for the purpose of improvement and also as a basic guide for NAHRIM to prepare for the planning of the programmes that will be implemented during The Eleventh Malaysian Plan (RMKe-11). In addition, this Annual Report is also able to measure the performance and progress of NAHRIM's Key Performance Index (KPI), Financial Management, and Human Resources after reaching 20 years of its establishment. It is hoped that this Annual Report could be used as a source of information, references, and as NAHRIM's promotional publications to stakeholders and to readers in general.

Finally, I would like to extend my deepest gratitude to all NAHRIM staff, clients and stake holders for their support towards NAHRIM's research and development activities.

Wassalam, thank you.

Datuk Ir. Hj. Ahmad Jamalluddin bin Shaaban
Director General
National Hydraulic Research Institute of Malaysia (NAHRIM)

MAKLUMAT KORPORAT
CORPORATE INFORMATION

Carta Organisasi Pengurusan Atasan
Top Management Organization Chart



Datuk Ir. Hj. Ahmad Jamalluddin bin Shaaban
Ketua Pengarah
Director General
Jusa B



Dr. Hj. Saim bin Suratman
Timbalan Ketua Pengarah
Deputy of Director General
Jusa C



Ir. Hj. Mohd Fauzi bin Mohamad
Pengarah Makmal Hidraulik & Instrumentasi
Director of Hydraulic & Instrumentation Laboratory
Q54



Ir. Mohd Zaki bin Mat Amin
Pengarah Pusat Kajian Sumber Air & Perubahan Iklim
Director of Water Resources & Climate Change Research Centre
Q54



Ir. Lee Hin Lee
Pengarah Pusat Kajian Kualiti Air & Alam Sekitar
Director of Water Quality & Environment Research Centre
Q54



Ir. Hj. Mohd Radzi bin Abd Hamid
Pengarah Pusat Kajian Pantai & Oseanografi
Director of Coastal Management & Oceanography Research Centre
Q54



Dr. Nasehir Khan E.M. Yahaya
Pengarah Pusat Kajian Lembangan Sungai
Director of River Basin Research Centre
Q54

Kosong
Pengarah Pusat Kajian Hidrogeologi
Director of Hydrogeology Research Centre
Q54

Kosong
Pengarah Makmal Kualiti Air
Director of Water Quality Laboratory
Q54



Norsuriani binti Abas
Pengarah Bahagian Perancangan Korporat
Director of Corporate Planning Division
M52



Nur Eswani binti Darus
Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan
Director of Management Services Division
M48



Ku Aznal Shahri bin Ku Abd Hamid
Pengarah Bahagian Pengurusan Maklumat
Director of Information Management Division
F48

Latar Belakang dan Fungsi NAHRIM
Background and The Functions of NAHRIM

Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) telah ditubuhkan pada September 1995 dan bernaung di bawah Kementerian Pertanian. Mulai April 2004, NAHRIM telah diletakkan di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. NAHRIM bertanggungjawab menjalankan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) serta perkhidmatan perundingan dalam bidang air dan persekitarannya. / *The National Hydraulic Research Institute of Malaysia (NAHRIM) was setup in September 1995 under the Ministry of Agriculture. As of April 2004, NAHRIM under the Ministry of Natural Resources and Environment is responsible for Research and Development (R&D) as well as consultancy services in the field of water and its environment.*

NAHRIM telah dipertanggungjawabkan untuk menjadi pusat fokal kebangsaan yang menyelaras aktiviti R&D dalam bidang air dan persekitarannya bagi memenuhi keperluan semua pihak di dalam negara./ *NAHRIM has been entrusted with the task of becoming a centre of excellence for water and its environment, R&D services as well as to co-ordinate research activities to meet the needs of the various sectors in the country.*

Bidang utama NAHRIM adalah menjalankan penyelidikan, pembangunan dan khidmat perundingan dalam bidang; Sumber Air dan Perubahan Iklim, Lembangan Sungai, Pantai dan Oseanografi, Kualiti Air dan Alam Sekitar dan Hidrogeologi./ *NAHRIM core business are conducting research and development and offering consultancy services in the fields of; Water Resources and Climate Change, River Basin, Coastal Management and Oceanography, Water Quality and Environment and Hydrogelogy.*

Fungsi / *Functions*

i. Menjalankan penyelidikan asas dan gunaan dalam sektor air seperti sumber air, sungai, pantai, geohidrologi dan kualiti air. / *To conduct both basic and applied research regarding water such as water resources, river, coastal, hydrogoelogy and water quality.*

ii. Menyediakan perkhidmatan sokongan kepada semua pihak khasnya sektor awam dan swasta dalam menangani masalah-masalah berkaitan air dan persekitarannya. / *To provide support services to both the public and private sectors in addressing problems concerning water and its environment.*

iii. Berperanan sebagai Pusat Fokal Kebangsaan dalam penyelidikan berkaitan air dan persekitarannya dengan menjadi penyelaras di peringkat kebangsaan dalam semua penyelidikan berkaitan serta mengambil bahagian dalam aktiviti penyelidikan antarabangsa secara dua hala dan/atau pelbagai hala. / T*o act as the National Focal Centre in researches related to water and its environment by coordinating related national research and participating in bilateral and multilateral international research activities.*

iv. Berperanan sebagai penasihat dalam perkara-perkara berkaitan air dan persekitarannya dalam memastikan pembangunan ekonomi Negara yang mapan. / *To provide advisory services in matters related to water and its environment in line with national interests.*

Visi / *Vision*

Menjadi sebuah pusat rujukan utama penyelidikan air dan persekitarannya yang unggul di dunia menjelang tahun 2030. / *To be the premier research centre for water and its environment in the world by year 2030.*

Misi / *Mission*

Memberi perkhidmatan cemerlang sebagai pusat pakar rujuk kebangsaan dalam bidang air dan persekitarannya untuk memastikan pembangunan negara yang mampan demi kesejahteraan dan peningkatan kualiti hidup rakyat. / *To provide excellent services as an expert centre on water and its environment management to ensure sustainable growth in order to improve the quality of life and well being.*

Objektif Penubuhan / *Objectives of Establishment*

i. Menjadi pusat kecemerlangan unggul dan rujukan utama dalam bidang air dan persekitarannya; / *To be an excellent and main referral centre for water and its environment;*

ii. Menjadi Pusat Fokal Kebangsaan bagi menyelaras aktiviti penyelidikan dalam bidang air dan persekitarannya; dan / *To be the National Focal Point to co-ordinate research activities in water and its environment; and*

iii. Menjadi pusat khidmat pakar atau perunding dalam projek-projek pembangunan yang berkaitan dengan air dan persekitarannya. / *To be the expert or consultancy service centre in development projects related to water and its environment.*

Piagam Pelanggan / *Client's Charter*

i. Menghasilkan penyelidikan sumber air dan persekitarannya; / *Conducting research on water resources and environment;*

ii. Menyediakan khidmat nasihat teknikal dan perunding penyelidikan bitara berhubung dengan sumber air dan persekitarannya dalam tempoh masa yang dipersetujui; / *Providing technical advice and consultancy services in niche research related to water resources and the environment within the agreed timeframe;*

iii. Menyediakan kemudahan Makmal Hidraulik bagi melaksanakan pemodelan fizikal dalam bidang kejuruteraan pantai (pelabuhan, pemecah ombak, hakisan dan pengendapan), sungai (banjir, hakisan tebing dan ampang jajar), sumber air (empangan, alur limpah dan telaga air tanah) dan kualiti air untuk kegunaan pelanggan dalaman dan luaran; / *Providing hydraulic laboratory facilities of physical modelling in coastal engineering (ports, breakwaters, erosion and sedimentation), river (flood, bank erosion and weir), water resources (dam, spillway and groundwater wells) and water quality for national and international customers;*

iv. Memberi maklumbalas awal bagi pertanyaan berkaitan air dan persekitarannya dalam tempoh tiga (3) hari bekerja; dan / *Providing early feedback related to water and its environment within three (3) working days; and*

v. Menyempurnakan bayaran dan penerimaan dalam tempoh 14 hari dari tarikh terima dokumen lengkap. / *Payment would be made within 14 days upon receive of complete documents.*

Peranan Pusat Kajian, Bahagian dan Makmal / *Research Centre, Divisions and Laboratory Roles*

Pusat Kajian, Bahagian & Makmal / *Research Centre, Divisions & Laboratory*	Peranan / *Roles*
Pusat Kajian Pantai & Oseanografi / ***Coastal Management & Oceanography Research Centre***	• Menjalankan penyelidikan dan pembangunan dalam pengurusan pantai / *To carry out research, development and coastal management* • Membangunkan Data Marin Negara / *To develop National Marine Center* • Mengadakan penyelidikan dalam bidang kejuruteraan pantai bersama universiti dan institusi penyelidikan tempatan; dan / *To have collaborative R&D with local universities and research institute on coastal engineering; and* • Berperanan sebagai Pusat Fokal Kebangsaan dalam penyelidikan kejuruteraan pantai / *To be National Focal point for Research in Coastal Engineering*
Pusat Kajian Sumber Air & Perubahan Iklim / ***Water Resources & Climate Change Research Centre***	• Menjalankan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang perubahan iklim dan sumber air / *To carry out research on climate change and water resources* • Menjalankan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang penuaian sumber air hujan; dan / *To carry out research and development on rainwater harvesting; and* • Menjalankan penyelidikan dan pembangunan meliputi model hidrologi dan membangunkan aspek pengoptimaan penggunaan sumber air / *To carry out research and development on hydrological modeling and optimization of water resources system*
Pusat Kajian Lembangan Sungai / ***River Basin Research Centre***	• Memberi khidmat penyelidikan dan mengembangkan urusan dalam bidang hidraulik dan air permukaan secara khusus serta pemuliharaan alam sekitar sungai dan lembangan sungai secara amnya / *Provides research and development (R&D) services and to promote the business on hydraulic aspects especially in surface water and to restore river basin and its surrounding environment in general* • Mewujudkan Pusat Kajian Sungai sebagai pakar rujuk kebangsaan bidang air permukaan / *To establish Research Center for River Management as the national expert on surface water* • Meningkatkan pembangunan dan kepakaran sumber manusia dalam negara bagi memantapkan sektor perkhidmatan air; dan / *To improve on development and capacity building within the country to further enhance the expertise in water services sectors; and* • Menjalankan penyelidikan, pembangunan dan pengurusan lembangan sungai berteraskan Pengurusan Sumber Air Bersepadu (IWRM) / *To carry out research, development and management of river basin in line with Integrated Water Resource Management (IWRM)*
Pusat Kajian Kualiti Air & Alam Sekitar / ***Water Quality & Environment Research Centre***	• Menjalankan penyelidikan dan pembangunan teknologi rawatan air / *R&D in water treatment technology* • Melaksanakan penyelidikan dan pembangunan kualiti air sungai dan tasik / *R&D on water quality for water bodies such as river and lakes* • Membangunkan dan mengemaskini inventori air sungai dan tasik / *Maintain inventory and databases of various bodies such as National Lake Inventory* • Menjalankan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang persekitaran air dan ekologi; dan / *R&D in aquatic ecosystem; and* • Penyelenggaraan dan operasi makmal kualiti air / *Conduct Water quality analysis*

Pusat Kajian, Bahagian & Makmal / *Research Centre, Divisions & Laboratory*	Peranan / *Roles*
Pusat Kajian Hidrogeologi / *Hydrogeology Research Centre*	• Menjalankan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang pengurusan sumber air tanah; dan / *R&D on groundwater management; and* • Menjalankan penyelidikan dan pembangunan mengenai penilaian persekitaran air tanah dan kesan malapetaka geologi (geohazard) akibat pengepaman berlebihan dan aliran air bawah tanah / *R&D and evaluation on geohazard related to over pumping of groundwater and groundwater flow*
Makmal Hidraulik & Instrumentasi / *Hydraulic & Instrumentation Laboratory*	• Menjalankan penyelidikan dan pembangunan asas serta gunaan melalui pemodelan fizikal dalam pelbagai bidang seperti empangan, sungai, pantai, dan samudera / *Basic and applied R&D through physical hydraulic modeling in various fields such as dams, rivers, coastal and offshore* • Menawarkan perkhidmatan dan kemudahan makmal untuk pemodelan fizikal; dan / *Offers services and laboratory facilities for physical modeling, and* • Mengurus, menyelaras dan menyelenggara peralatan dan instrumentasi makmal / *Manage, coordinate and maintain all laboratory instrumentation*
Makmal Kualiti Air / *Water Quality Laboratory*	• Mentadbir dan mengurus perjalanan operasi Makmal Kualiti Air mengikut tatacara pengurusan makmal berakreditasi yang diiktiraf, mengkoordinasi pelaksanaan sistem kualiti mengikut MS ISO/IEC 17025 dan mengikut garis panduan Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM) / *Administrate and manage the operation of Water Quality Laboratory in accordance with recognized accredited laboratory management, coordinating the implementation of the quality system in accordance with MS ISO / IEC 17025 and follow the guidelines of Laboratory Accreditation Scheme of Malaysia (SAMM)* • Merancang, mengurus dan menambahbaik polisi, garis panduan dan penawaran perkhidmatan analitikal kualiti air di makmal / *To plan, manage and improve the policies, guidelines and water quality analytical services in the laboratory* • Menyediakan pangkalan data bagi pemusatan, penyimpanan dan pembekalan data-data analisis kualiti air di makmal / *Manage a centralized database, to properly store and provide analytical data of water quality analysis produced in the laboratory* • Memberi khidmat sokongan analisa makmal kualiti air sebagai melengkapkan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang air dan persekitaran / *To provide support for water quality analysis as part of research and development in the field of water and environment* • Menjalankan penyelidikan dalam bidang kualiti air dan persekitaran serta penghasilan produk berkaitan makmal / *To conduct research and product development related to water quality and environment*
Bahagian Pengurusan Maklumat / *Information Management Division*	• Merancang, mengurus dan memantau infrastruktur ICT supaya sentiasa tersedia dan memastikan pelaksanaan projek ICT selaras dengan keperluan Negara / *Plan, manage and monitor ICT infrastructure to ensure availability and implementation of ICT projects are in line with the nation's requirement* • Memberi khidmat sokongan teknologi maklumat dalam mempercepatkan penyelidikan dan pembangunan berkaitan air dan persekitarannya; dan / *To provide IT support to accelerate R&D related to water and its environment; and* • Menyelia, melaksana dan mengurus dasar dan garis panduan keselamatan ICT / *Supervise, implement and manage policies and guidelines on ICT Security*

Pusat Kajian, Bahagian & Makmal / *Research Centre, Divisions & Laboratory*	Peranan / *Roles*
Bahagian Perancangan Korporat / ***Corporate Planning Division***	• Menyedia, melaksana dan memantau pelan pembangunan strategik NAHRIM / *Prepare, implement and monitor NAHRIM's strategic development plan* • Mengurus dan melaksanakan strategi dan pelan pemasaran induk bagi produk, makmal dan perkhidmatan perundingan NAHRIM; dan / *To manage and implement strategy and marketing master plan for product, laboratory and NAHRIM consultation services; and* • Menyelaras dan menyediakan anggaran belanjawan tahunan bagi projek-projek pembangunan NAHRIM / *Co-ordinate and provide annual budget estimation for NAHRIM's development projects*
Bahagian Khidmat Pengurusan / ***Management Services Division***	• Mengurus operasi pentadbiran dan pengurusan pejabat NAHRIM / *Manage NAHRIM's administration and office management operation* • Mengurus tugas-tugas kewangan dan akaun; dan / *Manage accounts and finances; and* • Mengurus hal ehwal pengurusan penjawatan, latihan dan pembangunan sumber manusia NAHRIM / *Manage all administration, services, training and human resources development for NAHRIM*

PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN
RESEARCH AND DEVELOPMENT

Bil.	Butiran projek	Hasil	Manfaat	Pusat Kajian
1.	Tajuk projek: Kajian Semula *'The Study of The Impact of Climate Change on Sea Level Rise in Malaysia'* berdasarkan Laporan IPCC 5 AR5 Kos projek: RM 750,000.000 Skop projek: a. Cadangan Kajian semula unjuran dan kadar kenaikan aras laut di sepanjang pantai Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan W.P. Labuan berdasarkan penemuan laporan IPCC AR5 2013 secara kerjasama dengan CSIRO, Australia b. Pengumpulan data Topografi dan analisis data	Laporan analisis data sekunder unjuran kenaikan aras laut Malaysia.	i. Memberikan nilai unjuran terkini Peningkatan Aras Laut di pesisir pantai Malaysia ii. Sumber rujukan maklumat dan data bagi jabatan/agensi yang berkepentingan dalam membuat keputusan/tindakan dalam pengurusan kelestarian kawasan pesisir pantai	Pusat Kajian Pantai & Oseanografi
2.	Tajuk projek: Kajian Impak Kenaikan Aras Laut di Pelabuhan Klang, Selangor Kos projek: RM 50,000.00 Skop projek: a. Kajian kemungkinan & risiko kenaikan aras laut di kawasan kajian b. Mengesyorkan kaedah adaptasi bagi melindungi mangsa dan harta benda awam	Laporan Impak Kenaikan Aras Laut di Pelabuhan Klang, Selangor.	Membantu agensi pelaksana dalam rancangan adaptasi kawasan berisiko dan mitigasi bagi kawasan pembangunan baru dan meningkatkan pemahaman terhadap proses sedimentasi bagi mengelakkan dan mengurangkan kos akibat banjir.	Pusat Kajian Pantai & Oseanografi

Bil.	Butiran projek	Hasil	Manfaat	Pusat Kajian
3.	Tajuk projek: Kajian Impak Peningkatan Aras Laut - Peta Inundasi Banjir di Pesisiran Pantai Daerah Batu Pahat, Johor - Kos projek: RM 50,0000.00 Skop projek: a. Menjalankan kerja-kerja pengumpulan data & GIS - Menjalankan pemodelan b. Analisis hidrodinamik -Menghasilkan Peta Inundasi Batu Pahat untuk tahun 2020, 2040 & 2100	Laporan Impak Kenaikan Aras Laut di Pesisiran Pantai Batu Pahat, Johor.	Membantu agensi pelaksana dalam rancangan adaptasi kawasan berisiko dan mitigasi bagi kawasan pembangunan baru dan meningkatkan pemahaman terhadap proses sedimentasi bagi mengelakkan dan mengurangkan kos akibat banjir.	Pusat Kajian Pantai & Oseanografi
4.	Tajuk projek: Projek Perintis Pembangunan Sistem Kawalan Hakisan dan Perluasan Pantai (NEXC) Kos projek: RM 800,000.00 Skop projek: a. Kajian dan penyelidikan secara numerikal dan fizikal -menjalankan 1 kajian numerikal model -menjalankan 1 kajian fizikal b. Menghasilkan produk inovasi sistem kawalan hakisan dan perluasan kawasan pantai c. Menjalankan projek pemasangan sistem inovasi Blok Inovasi NEXC di dua kawasan	Laporan Kajian Pembangunan Sistem Kawalan Hakisan dan Perluasan Pantai Penghasilan 1 Produk Inovasi	Menjamin kestabilan dan keselamatan zon pesisir pantai negara dan mengurangkan masalah hakisan.	Pusat Kajian Pantai & Oseanografi
5.	Tajuk projek: Projek Piezoelektrik Rain Power Fasa I. Kos projek: RM50,000.00 Skop projek: a. Membekal, memasang, melatih penggunaan elemen piezoelektrik. b. Menguji elemen piezoelektrik secara makmal.	Laporan Teknikal Projek Piezoelektrik Rain Power Fasa I.	i. Pemindahan teknologi sebagai permulaan kepada cadangan menggunakan teknologi piezoelektrik. ii. Mendapatkan keyakinan potensi sumber alternatif bagi penjanaan tenaga elektrik menggunakan teknologi piezoelektrik.	Makmal Hidraulik dan Instrumentasi

Bil.	Butiran projek	Hasil	Manfaat	Pusat Kajian
6.	Tajuk projek: Projek Inovasi NAHRIM *Coastal Stabilizer and Wave Generator* (NCSnWPG) Fasa I. Kos projek: RM10,000.00 Skop projek: a. Mendapatkan rekabentuk struktur yang stabil. b. Ujian Makmal di Fasiliti Port & Harbour.	Laporan Teknikal Projek Inovasi NAHRIM *Coastal Stabilizer and Wave Generator* (NCSnWPG) Fasa I.	i. Menjimatkan kos pemasangan prototaip sebenar semasa proses pemasangan di tapak projek. ii. Mendapatkan input permasalahan yang diramalkan sebagai persediaan pemasangan di tapak projek. iii. Penjimatan kos dengan penggunaan produk inovasi tempatan berbanding import.	Makmal Hidraulik dan Instrumentasi
7.	Tajuk projek: Projek Pemasangan WABCORE Pulau Tinggi, Johor - Fasa 2. Kos projek: RM106,750.00 Skop projek: a. Mendapatkan rekabentuk struktur yang stabil. b. Ujian di tapak projek bagi melihat keberkesanan susunan struktur.	Laporan Teknikal Projek Pemasangan WABCORE Pulau Tinggi Fasa 2.	i. Mengurangkan kesan hakisan pantai di Pulau Tinggi. ii. Menggalakkan pertumbuhan habitat ekologi marin dan pembiakan ikan.	Makmal Hidraulik dan Instrumentasi
8.	Tajuk projek: Kajian Ekosistem dan Pemuliharaan Tasik dan Empangan Air Negara di bawah Perubahan Persekitaran Iklim Kos projek: RM1,500,000.00 Skop projek: a. Pembangunan Kriteria dan Piawai Kualiti Air Tasik 2015 b. Kajian Pengesanan *Endocrine Disrupting Chemicals* (EDCs) - racun pertanian di tasik c. Kajian ke atas indeks trofik bagi tasik d. Kajian impak perubahan persekitaran ke atas tasik e. Kajian Status Kesihatan Ekosistem empangan terpilih	i. Kriteria dan Piawai Kualiti Air Tasik 2015 ii. Laporan awalan Kajian *Endocrine Disrupting Chemicals* (EDCs) - racun pertanian di tasik iii. Laporan teknikal kajian bagi indeks trofik tasik iv. Penerbitan saintifik penilaian impak perubahan persekitaran v. Laporan kajian status kesihatan ekosistem empangan terpilih	i. Pelaksanaan Pelan Tindakan Terperinci Pengurusan Lestari Tasik ii. Penyediaan maklumat status kualiti air dan ekosistem tasik terpilih yang boleh digunakan untuk memahami cabaran pengurusan dan pemuliharaan tasik	Pusat Kajian Kualiti Air & Alam Sekitar

Bil.	Butiran projek	Hasil	Manfaat	Pusat Kajian
9.	Tajuk projek: Perkhidmatan Analitikal (*Analitycal Capability*) Makmal berakreditasi MS ISO/IEC 17025 Kos projek: RM150,000.00 Skop projek: a. Perolehan peralatan makmal, bahan kimia bagi tujuan perkhidmatan analisis b. Akreditasi ISO17025 c. Keselamatan makmal d. Peralatan e. Sistem Pengurusan Maklumat Makmal (LIMS)	i. Penyediaan Dokumen sebutharga perolehan ii. 925 sampel sehingga Dis. 2015 iii. 5195 analisis sehingga Dis. 2015 iv. 3 orang pelajar latihan industri v. 1 orang dari UMT latihan berbayar di MKA vi. 1 Dokumen Manual Kualiti vii. 1 Dokumen Prosedur Kualiti Makmal (LQP) viii. 6 Dokumen Kaedah Ujikaji ix. Penghantaran akreditasi ke Jabatan Standard Malaysia x. 8 kelulusan *Proficiency Testing* xi. 2 kelulusan ahli kimia berdaftar xii. Kelulusan JKKP peralatan merbahaya xiii. Penganjuran taklimat keselamatan oleh NIOSH xiv. laporan teknikal	Pengurusan dan Perkhidmatan Analisis Makmal i. Kerja-kerja analisa kimia dan mikrobiologi, eksperimentasi dan pengeluaran produk dapat dilakukan sendiri oleh kakitangan NAHRIM. ii. Meningkatkan tahap keupayaan dan kemahiran teknikal kakitangan (*capacity building*) iii. Peluasan perkhidmatan analisis MKA (tambahan parameter kualiti air yang ditawarkan) iv. Kuantiti sampel yang dianalisis di makmal meningkat v. pengukuran lebih pantas vi. Mengurangkan kos kebergantungan kepada agensi luar dan makmal swasta. vii. Keupayaan menganalisa parameter yang lebih kompleks seperti logam berat berdasarkan kepada kriteria USEPA dan APHA Dokumentasi dan Penerbitan Teknikal berkaitan akreditasi MS ISO/IEC 17025 i. Sebuah makmal yang diakreditasi mengikut piawaian nasional dan antarabangsa ii. Perkhidmatan analitikal, kajian dan penyelidikan makmal	Makmal Kualiti Air

Bil.	Butiran projek	Hasil	Manfaat	Pusat Kajian
			diperluaskan dari aspek kuantiti dan kualiti melalui kawalan proses kerja makmal dan pematuhan kepada akreditasi makmal ISO17025 iii. Menghasilkan data yang berkualiti dan berkredibiliti serta kakitangan dengan kemahiran dan pensijilan berdaftar yang berkaitan. iv. Ketepatan pengukuran peralatan terkawal v. Keupayaan untuk meneroka bidang kajian yang lebih signifikan kepada pembangunan negara serta kompetitif di peringkat nasional dan antarabangsa	
10.	Tajuk projek: Kajian Aplikasi Produk Inovasi Rawatan Air Mesra Alam '*Bioflocculant*' berasaskan '*Moringa Oleifera*' Kos projek: RM60,000.00 Skop projek: a. Rekabentuk Terperinci Inkubator b. Eksperimen Makmal c. Kajian Ketoksikan d. Aplikasi di Lapangan e. Kajian Purifikasi kepada cecair melalui kaedah *'salt extraction'*	i. 1 poster ii. 3 laporan iii. 1 thesis iv. 1 pembentangan v. 1 pelan inkubator	Pembangunan Produk Tempatan i. Produk peningkatan kualiti air yang berkesan terutama pada parameter kekeruhan air ii. Rawatan alternatif bioremediasi yang mesra alam dan selamat berbanding rawatan flokulasi secara kimia. iii. lebih kos efektif berbanding alum mengambilkira kos rawatan air dan rawatan *sludge* yang terhasil. iv. Meningkatkan keupayaan sistem rawatan air di samping menyumbang kepada peningkatan ekonomi negara	Makmal Kualiti Air

Bil.	Butiran projek	Hasil	Manfaat	Pusat Kajian
			v. Menjana keupayaan dan kepakaran dalam bidang penghasilan produk rawatan air Dokumentasi dan Penerbitan Teknikal i. perkongsian penemuan saintifik yang boleh memberikan nilai tambah kepada kajian lanjutan	
11.	Tajuk projek: Projek Penyelidikan *'Study on Contamination of Endocrine Disrupting Chemicals (EDCs) from Raw, Treated and Potable Water in Malaysia and Risk Assessment from Human Exposure. Case Study: Langat River Basin'* Kos projek: RM 210,000.00 Skop projek: a. Perolehan peralatan makmal, bahan kimia bagi tujuan perkhidmatan analisis b. Penyiasatan Tapak c. Persampelan di lapangan d. Pembangunan Kaedah Analisa EDCs (logam berat) e. Analisa Sampel Kualiti Air & EDCs (logam berat)	i. 1 Cadangan Teknikal dan Kewangan ii. lawatan tapak iii. 8 kerja persampelan (Mei-Dis.) iv. Dokumen sebutharga perolehan v. Pembangunan pangkalan data GIS vi. 2 laporan vii. 2 poster	Pembangunan & Penyelidikan i. Kebolehan menganalisis parameter kompleks (EDCs) untuk bidang kajian yang lebih terkini dan kompetetif bagi memastikan air minuman yang disalurkan bersih dan selamat. ii. Menjadi asas rujukan dalam mengenalpasti penyakit-penyakit yang disebabkan oleh bahan EDCs melalui pembangunan pangkalan data bahan cemar EDCs. iii. Membantu agensi-agensi yang terlibat secara langsung dalam meningkatkan pemantauan keselamatan kualiti air dengan memastikan keselamatan dan kualiti air minuman terjamin. iv. Menjana keupayaan dan kepakaran dalam bidang analisa bahan pencemar kompleks EDCs	Makmal Kualiti Air

Bil.	Butiran projek	Hasil	Manfaat	Pusat Kajian
			Dokumentasi dan Penerbitan Teknikal i. Perkongsian penemuan saintifik yang boleh memberikan nilai tambah kepada kajian lanjutan	
12.	Tajuk projek: Pembangunan Produk Rawatan Air – *Activated Carbon* Kos projek: RM30,000.00 Skop projek: a. Pencirian pod benih Moringa Oleifera (bahan mentah) b. Penyediaan karbon diaktifkan (*activated carbon*) c. Pencirian hasil karbon diaktifkan d. Pengoptimuman e. Pembangunan Produk	i. 3 laporan projek ii. 1 poster	Pembangunan Produk Tempatan i. Membangunkan produk dan sistem rawatan air yang eko-efisien dan mesra alam dalam mengurangkan bahan pencemar nutrien dan bahan kimia ii. Pengurusan bekalan sumber air bersih yang lebih berkesan iii. Menjana keupayaan dan kepakaran tempatan dalam bidang penghasilan produk rawatan air Dokumentasi dan Penerbitan Teknikal i. Perkongsian penemuan saintifik yang boleh memberikan nilai tambah kepada kajian lanjutan	Makmal Kualiti Air
13.	Tajuk projek: Aplikasi *Membrane Filter* dalam Meningkatkan Kualiti Air – kerjasama dengan USIM Kos projek: RM30,000.00 Skop projek: a. Membangunkan formulasi baru *polymer-chitosan-surfactant dope* untuk membran *Active Chitosan Surfactant* (ACS).	i. 1 Laporan kemajuan ii. 1 Cadangan Teknikal dan Kewangan iii. 1 Artikel	Pembangunan Produk Tempatan i. Produk peningkatan kualiti air yang mempunyai potensi rawatan merangkumi parameter mikrobiologi dan kimia kompleks seperti *Endocrine Disrupting Chemicals* (EDCs) tahap *trace levels*	Makmal Kualiti Air

Bil.	Butiran projek	Hasil	Manfaat	Pusat Kajian
	b. Fabrikasi simetri *Membran Active Chitosan Surfactant* (ACS) melalui proses penyongsangan fasa. c. Analisa kesan kitosan dan *surfactant* untuk melihat prestasi dan ciri-ciri utama. d. Menilai keberkesanan *Membran Active Ciitosan-surfactant* (ACS) membran terhadap pewarna air sisa dan penyingkiran logam berat. e. Mencirikan kesan kitosan dan surfactant ke arah peningkatan prestasi nanofiltration.		ii. Meningkatkan keupayaan sistem rawatan air di samping menyumbang kepada peningkatan ekonomi negara iii. Menjana keupayaan dan kepakaran dalam bidang penghasilan produk rawatan air Dokumentasi dan Penerbitan Teknikal i. perkongsian penemuan saintifik yang boleh memberikan nilai tambah kepada kajian lanjutan	
14.	Tajuk projek: *Water Security: Embarking on a Groundwater-Surface Water Interaction in The Hyporheic Zone Approach for Resources Abstraction at Sg. Muda, Kedah and Penang* Kos projek: RM250,000.00 Skop projek: i. Kerja-kerja penggerudian, pembinaan 15 telaga pemantauan bersaiz 3" (75mm). ii. *Permeability test*. iii. *Grain size analysis*. iv. 2 telaga ujian, ujian pengepaman, *slug test* serta kerja-kerja berkaitan v. *Environmental isotope study* vi. Pembinaan *Column test* vii. *Hyporheic zone study- river width, riverbed and river sediment study*	i. Penentuan arah dan kadar aliran air tanah ii. Kadar luahan air tanah di dalam kawasan kajian. iii. Kesesuaian tanah kepada kadar resapan air interaksi air permukaan dan air tanah iv. Pemodelan air tanah dan interaksi kepada air permukaan v. Laporan dan jurnal Penyelidikan	i. Sebagai rujukan kepada Pihak Berkuasa Tempatan dan operator air kawasan kajian ii. Alternatif sumber air tanah kepada air permukaan	Pusat Kajian Hidrogeologi
15.	Tajuk projek: *Study on Effectiveness of Groundwater Recharge In Reducing Flash Flood Risk at Paya Indah Wetlands, Selangor.*	i. Penentuan komposisi akuifer ii. Litologi kawasan kajian	i. Pengurangan risiko akibat banjir kilat. ii. Status air ribut sebagai imbuhan kepada air tanah	Pusat Kajian Hidrogeologi

Bil.	Butiran projek	Hasil	Manfaat	Pusat Kajian
	Kos projek: RM100,000.00 Skop projek: a. Kerja-kerja penggerudian, pembinaan 4 telaga pemantauan bersaiz 3" (75mm). b. Slug test serta kerja-kerja berkaitan c. Kerja pemetaan foto udara (UAV). d. Analisis saiz butiran e. Ujian ketelapan permukaan (groundsurface permeability test-double ring) di 15 lokasi f. Data logger (5 unit Solinst)- *install in well and stream*	iii. Penentuan kadar penyusupan air ribut iv. Tahap keberkesanan penyusupan air ribut. v. Laporan penyelidikan	iii. Rujukan kepada Pengurusan Paya Indah Wetlands	
16.	Tajuk projek: *Groundwater Pollution Assessment on Geochemistry after Landfill Closure at Ampar Tenang Landfill Site, Selangor.* Kos projek: RM70,000.00 Skop projek: a. Perolehan data-data litologi kawasan kajian dan penyediaan telaga pemantauan (8 unit-kaedah pengejetan air) b. Perbandingan kajian geokimia air tanah dan aliran air tanah c. Pensampelan geokimia air tanah dan air permukaan d. Ujian keberintangan elektrik (4-6 lines), mengikut kesesuaian kedalaman kawasan.	i. Status geokimia air tanah di tapak pelupusan yang telah ditutup ii. Laporan penyelidikan iii. Perbandingan sebelum dan selepas penutupan tapak pelupusan	Sebagai rujukan kepada penutupan tapak pelupusan sampah	Pusat Kajian Hidrogeologi
17.	Tajuk projek: Kajian Lanjutan Impak Perubahan Iklim ke atas Sumber Air Malaysia Kos projek: RM2,100,000.00 Skop projek: a. Pembangunan model unjuran iklim berskala halus (geospatial & temporal) peringkat lembangan	i. Laporan Hasil Penilaian Pembangunan Kajian Lanjutan Impak Perubahan Iklim ke atas Sumber Air Malaysia ii. Laporan Kajian Vulnerabiliti dan Adaptasi Kesan	i. Penyediaan dan penyebaran maklumat hasil kajian kepada pihak berkepentingan melalui: a) *Seminar on Climate Change Vulnerability & Adaptation in Sustainable*	Pusat Kajian Sumber Air dan Perubahan Iklim

Bil.	Butiran projek	Hasil	Manfaat	Pusat Kajian
	sungai bagi menentukan perubahan dan keseimbangan air permukaan dan tanah serta perlakuan banjir dan kemarau; b. Kesan perubahan iklim terhadap kenaikan aras air laut yang menjuruskan kepada hakisan pantai dan menentukan kehilangan keluasan tanah dan pantai; c. Kesan kepada anjakan dan perlakuan musim hujan susulan perubahan iklim kepada perlakuan banjir dan sumber air; d. Penilaian vulnerabiliti, penaksiran kesan-kesan dan kajian adaptasi ekonomi daripada potensi perubahan pola hidrologi (keamatan hujan ribut), kenaikan aras air laut dan storm surges, kemarau berpanjangan dan suhu meningkat; e. Kajian ekonomi kos adaptasi berkaitan bekalan air (industri & domestik), perlindungan banjir dan infrastruktur (lebuhraya & jalanraya).	Perubahan Iklim bagi Kejadian Banjir di Lembangan Sungai Terpilih iii. Laporan Kajian Vulnerabiliti, Adaptasi dan Penilaian Sumber Air serta Kapasiti Takungan Empangan di bawah Senario Kesan Perubahan Iklim iv. Laporan Kajian Penilaian Kesan Perubahan Iklim ke atas Sumber dan Bekalan Air bagi Sektor Pertanian dan Perladangan iaitu Padi, Getah dan Kelapa Sawit v. Laporan Teknikal Kajian Mengenalpasti Punca Banjir Luar Biasa di Negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia vi. Laporan Sintesis Pasukan Petugas Pelaksanaan Dasar Sumber Air Negara (PPPDSAN) – Kumpulan Kerja 3 – Penyelidikan dan Penyiasatan	*Water Resources Planning and Management* di Putrajaya Marriot Hotel, Putrajaya b) Bengkel *Climate Change & Application of CC/SLR Data* untuk Penyediaan Laporan Vulnerabiliti dan Adaptasi Perubahan Iklim di bawah *TWG V&A UNFCCC Third National Communication* pada 23-25 November 2015 di NAHRIM c) Nota Jemaah Menteri – Mengenalpasti Punca Banjir Luar Biasa Negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia d) Maklumat V&A telah dikemukakan kepada PMG TNC BUR di bawah kapasiti NAHRIM sebagai Pengerusi Technical Working Group V&A. e) Penyertaan dalam *'Big Data Analytics – Digital Government Lab'* anjuran MAMPU, MIMOS dan MDEC (23 April 2015) f) Minilab Mengenalpasti Punca Banjir Luar Biasa di Negeri Pantai Timur	

Bil.	Butiran projek	Hasil	Manfaat	Pusat Kajian
		vii. Kajian Pengagihan Bekalan Air dan Vulnerabiliti di bawah Senario Perubahan Iklim dan Pemindahan Air Pahang-Selangor menggunakan MIKE Basin – Sg Langat dan Sg Selangor (Fasa II) viii. Kajian Desktop Kesan Kemarau ke atas Sumber Air dan Sosio-Ekonomi di Malaysia ix. Projek Big Data Analytic (BDA) Program – Proof of Concept (POC) peringkat nasional x. Inkubator Sistem Penuaian Dan Pemprosesan Air Hujan (I-SPAH), Sumber Tadahan NAHRIM dan Kuala Tadahan. xi. Sistem Pengumpulan Air Hujan Komuniti (SPAHK) di Cameron Highlands, Pahang – Cost Benefit Analysis dan Pemodelan Hidrologi:	Semenanjung Malaysia pada 12 Mac 2015 yang disertai peserta seramai 80 orang dari pelbagai agensi. Hasil minilab dilaporkan di dalam Mesyuarat Jemaah Menteri melalui Nota Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar No. N253/2015 ii. Penghasilan produk pembotolan air hujan yang boleh dikomersialkan bagi menjana pendapatan dan ekonomi negara. iii. Pengurangan masalah kejadian banjir kilat, kadar pencemaran ke dalam tasik, pengekalan ekosistem dan kelestarian alam sekitar dan seterusnya menggalakkan kehadiran pengunjung ke PIW dalam aktiviti-aktiviti riadah. iv. Hasil kajian dan teknologi kajian ini juga akan digunapakai dalam Pelan Induk Pengurusan Sumber Air Hujan Peringkat Bandaraya terutama yang mengalami masalah banjir kilat dan juga sebagai bekalan air tambahan. v. Pemantapan dasar dan polisi sedia ada berkaitan sumber air dan perubahan iklim. vi. Penyediaan maklumat dan input Pelan	

Bil.	Butiran projek	Hasil	Manfaat	Pusat Kajian
		Laporan Teknikal Kajian Cost Benefit Analysis (CBA) – SPAH Komuniti dan Sumber Air Pertanian Sungai Kemud, Cameron Highlands xii. Laporan Awalan Vulnerabiliti dan Adaptasi Perubahan Iklim di Malaysia untuk *Third National Communication* (TNC) xiii. Laporan Kemajuan Pertama Vulnerabiliti dan Adaptasi Perubahan Iklim di Malaysia untuk *Third National Communication* (TNC)	Adaptasi Perubahan Iklim Negara di bawah NRE. vii. Penambahbaikan ketepatan dan keberkesanan amalan kejuruteraan sumber air.	
18.	Tajuk projek: *Proof of Concept Pembangunan Projected Hydroclimate Data Analysis & Visualisation For Potential Drought & Flood Events* di Semenanjung Malaysia (Big Data NAHRIM) Kos projek: Ditaja oleh MDeC & MAMPU Skop projek: Membangunkan sistem yang dapat membantu NAHRIM menvisualisasi data unjuran hujan dan air larian (run-off) untuk tempoh 90 tahun berdasarkan lembangan sungai	i. Sistem *Projected Hydro-Climate Data Analysis And Visualization For Potential Drought And Flood Events* di Semenanjung Malaysia ii. Laporan Teknikal *Big Data NAHRIM - Projected Hydro-climate Data*	i. Menyokong dan membantu NRE menyedia dan melaksanakan Pelan Adaptasi Perubahan Iklim Negara melalui analisis dan visual data-data unjuran perubahan iklim NAHRIM. ii. Platform data analisis dan visualisi bagi program *Third National Communication* (TNC) NRE & UNFCCC dibawah *Thematic Working Group on Vulnerability and*	Bahagian Pengurusan Maklumat / Pusat Kajian Sumber Air dan Perubahan Iklim

Bil.	Butiran projek	Hasil	Manfaat	Pusat Kajian
	di Semenanjung Malaysia dengan menggunakan data unjuran hydroclimate dari tahun 2010 sehingga 2099.	*Analysis and Visualization for Potential Drought and Flood Events in Peninsular Malaysia*	*Adaptation* (TWG-VA) untuk bidang *Water & Coastal Resources, Infrastructure. Agricultural/Forestry/ Biodiversity, Public Health dan Energy;* iii. Pengukuhan Dasar Perubahan Iklim Negara dan Dasar Sumber Air Negara terutama di bawah aspek kerentanan (*vulnerability*) sumber air. iv. Mewujudkan dan menambahbaik standard, prosedur, amalan kejuruteraan dan *Best Management Practice* seperti siri *NAHRIM Technical Guides* untuk kegunaan jabatan teknikal seperti di JPS, JKR, JBA, TNB, Telekom dan perunding. v. Mengoptimumkan penggunaan data R&D NAHRIM (10 Billion data) untuk menyelesaikan masalah *hydroclimate* di Malaysia.	
19.	Tajuk projek: Pembangunan Aplikasi Mudah Alih NAHRIM (MyPlop & Clean The Water) Kos projek: RM 43,000.00 Skop projek: Pembangunan 2 aplikasi mudah alih MyPlop dan Clean The Water yang berbentuk edutainment (permainan) bagi tujuan pendidikan mengenai air bawah tanah dan rawatan air. Aplikasi boleh dimuat turun untuk pengguna Android dan iOS.	i. MyPop ii. Clean The Water	i. Memperluaskan mekanisme perkongsian & penyampaian maklumat & data dengan pelbagai Kumpulan Sasaran. ii. Mempelbagaikan penghasilan produk inovasi NAHRIM dalam bidang ICT. iii. Membantu NAHRIM membangun seiring dengan teknologi & permintaan semasa serta kekal relevan. iv. Mengkomersial dan mempromosi produk & aktiviti R&D NAHRIM kepada pengguna luar.	Bahagian Pengurusan Maklumat / Pusat Kajian Hidrogeologi / Makmal Kualiti Air

Bil.	Butiran projek	Hasil	Manfaat	Pusat Kajian
20.	Tajuk projek: Pemulihan Tasik Chini Sebagai Warisan Alam Dan Rezab Biosfera Malaysia Kos projek: RM 240,000.00 Skop projek: a. Kerja-kerja survey ukur terperinci bagi sempadan Warta Awam Tasik Chini b. Pemasangan NAHRIM Intelligent Lake Guard (NILGuard)	i. Laporan penyelidikan	i. Penandaan sempadan warta awam Tasik Chini, bagi mengelakkan pencerobohan ke kawasan warta awam.	Pusat Kajian Lembangan Sungai
21.	Tajuk Projek: Pelan Pengurusan & Pembangunan Tadahan Sungai Bertam, Cameron Highlands Kos Projek: RM 299,868.00 Skop Projek: a. Data hidrologi tadahan Sg Bertam b. Data keratan rentas sepanjang Sg. Bertam c. Data guna tanah semasa tahun 2014 d. Pelan guna tanah pengurusan dan pembangunan tadahan Sg Bertam e. Pelan rizab sungai pengurusan dan pembangunan tadahan Sg Bertam f. Pelan sisa pepejal pengurusan dan pembangunan tadahan Sg Bertam	i. Laporan penyelidikan	i. Mengambil semula rizab sungai yang telah diwartakan ii. Membantu dalam penghasilan permodelan hidrodinamik iii. Memperkemaskan lagi pengurusan di agensi kerajaan tempatan	Pusat Kajian Lembangan Sungai
